

29 AUG 2002

Vietnam-Buruh/I

## VIETNAM BERMINAT TANDATANGANI PERJANJIAN BURUH DENGAN MALAYSIA

SEPANG, 29 Ogos (Bernama) -- Vietnam mahu menandatangani perjanjian buruh dengan Malaysia secepat mungkin bagi menyelaraskan tenaga kerjanya untuk bekerja di negara ini.

"Kami berharap kami dapat menandatangani perjanjian itu secepat mungkin bagi memudahkan tenaga kerja kami untuk mula bekerja di sini dengan segera," kata Timbalan Perdana Menteri Vietnam Nguyen Tan Dung kepada Bernama di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini sebelum berlepas pulang ke negaranya lewat malam tadi.

Semasa lawatan tiga hari beliau ke sini, Dung telah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bagi perbincangan dua hala.

Beliau berkata perjanjian itu akan menyediakan rangka kerja undang-undang bagi pekerja Vietnam untuk bekerja di sini dan menggariskan apa yang "boleh" dan "tidak boleh" apabila mereka bekerja di negara ini.

Langkah kerajaan Malaysia untuk membenarkan tenaga kerja Vietnam bekerja di sini, katanya merupakan satu permulaan baik bagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

"Kami, dalam waktu singkat, telah membawa masuk kira-kira 5,000 pekerja Vietnam dan kerajaan Vietnam berharap dapat membawa masuk lebih banyak pekerja terutamanya dalam sektor pembuatan dan pembinaan," katanya.

Beliau berkata Vietnam hanya akan menghantar pekerjaanya ke Malaysia sekiranya diminta oleh kerajaan Malaysia dan berharap Malaysia akan memberikan sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada pekerja berkenaan.

"Selain itu, kita juga mahu pekerja dari Vietnam mematuhi undang-undang tempatan dan sebab itu kenapa kami mahu perjanjian itu ditandatangani secepat mungkin," katanya.

Beliau berkata Vietnam akan melatih pekerjaanya sebelum menghantar mereka ke Malaysia terutamanya daripada segi keupayaan penguasaan bahasa oleh pekerja terbabit.

Vietnam menandatangani satu memorandum persefahaman dengan Malaysia mengenai pengambilan buruh dari negara itu pada Februari tahun ini.

Dzung juga berkata bahawa tujuan lawatan beliau ialah bagi menjalin hubungan rapat dengan Malaysia dan mencari jalan untuk meningkatkan lagi hubungan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara.

"Vietnam mempunyai hubungan yang amat baik dengan Malaysia dan kami berpendapat bahawa pertukaran buruh akan membolehkan kita menjadi lebih rapat lagi," katanya.

Dzung berkata bahawa Vietnam menyokong usul kerajaan Malaysia bagi penubuhan sekretariat Asean+3 (Asean campur Jepun, Korea dan China) di Kuala Lumpur.

"Kami menyifatkan sebarang inisiatif seperti ini sebagai satu cara untuk memperkukuhkan hubungan dengan tiga pemain ekonomi utama di rantau ini ... kami patut menyokong inisiatif ini," katanya.

Beliau berkata bahawa semasa pertemuan beliau dengan Dr Mahathir dan Abdullah, kedua-dua pemimpin itu telah menjelaskan idea penubuhan sekretariat itu di Kuala Lumpur dan dengan "penjelasan itu", Vietnam yakin bahawa cadangan Malaysia itu merupakan satu usul yang baik.

Idea untuk menubuhkan sekretariat seumpama itu di Kuala Lumpur dicadangkan oleh Dr Mahathir pada pertengahan tahun lepas tetapi Sidang Kemuncak Asean di Brunei baru-baru ini gagal mencapai persetujuan berhubung perkara itu.

Beberapa daripada 10 negara anggota Asean tidak bersetuju sekretariat Asean+3 ditubuhkan di Kuala Lumpur, tetapi Malaysia, selepas kebuntuan itu telah berikrar untuk terus memperjuangkan idea itu.

"Kami bersedia untuk membincangkan perkara itu dengan negara-negara Asean dan menyakinkan mereka akan perkara itu...kami mahu mencapai persetujuan," katanya.

Dzung turut mengucapkan terima kasih kepada Malaysia terhadap bantuan dan sokongan yang diberikan kepada kerajaan Vietnam.

"Kami berharap hubungan mesra antara rakyat kedua-dua negara akan berkekalan dan kami ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia bagi semua bantuan yang telah ia berikan bagi mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua negara," katanya.

-- BERNAMA

SR AHH RHM